



HIDUP wanita Liberia kini semakin bebas tanpa dibelenggu ketakutan dirogol di semak atau di jalanan.



POTRET wajah Sirleaf (kiri) dan Gbowe (tengah) yang menerima Anugerah Nobel dipaparkan di Pusat Nobel Keamanan di Oslo, Norway.

# Bebaskan diri daripada perogol

## Kejayaan dua pejuang hak asasi wanita di Liberia menerima Anugerah Nobel memberikan lebih harapan kepada wanita di negara Afrika itu untuk hidup lebih bebas daripada belenggu jenayah rogol.

KOSMO 15/12/2011 MS 2A.



RUMAH perlindungan THINK yang menjadi tempat bagi mangsa rogol membina kembali kehidupan baru.

dapan. Ia mendorong saya bahawa wanita tidak seharusnya duduk diam sahaja, kamu masih boleh membuat sesuatu yang membanggakan," luahnya.

Kini, Murphy merupakan kaunselor di THINK, sebuah organisasi wanita yang mengendalikan rumah perlindungan bagi mangsa-mangsa rogol dan keganasan domestik.

Kesemua mangsa yang mendaftar turut menjalani program pemulihan untuk mempelajari ilmu perniagaan dan kemahiran hidup.

Pengasasnya, Rosana Schaack berkata, biarpun tumpuan yang diberikan terhadap golongan itu berjaya menaikkan semangat mereka namun, ia tidak mampu mengubah realiti masyarakat Liberia bahawa kejadian rogol dan keganasan gender terus menjadi perkara biasa.

"Masyarakat luar beranggapan semua berjalan lancar, Liberia dilihat sebagai bintang yang sedang bersinar dan kaum wanita sedang menikmati hak asasi mereka. Ia sebenarnya masih jauh lagi," katanya.

Dalam pemerintahannya, Sirleaf telah menyelia enakmen mengenai un-

dang-undang rogol baharu yang lebih keras, kewujudan sebuah mahkamah khas dan unit khas polis wanita yang dilancarkan pada 2009.

"Jika sebelum ini, kaum lelaki sangat berkuasa, mereka akan merogol kamu di mana sahaja tetapi kini rogol merupakan jenayah berat dan akan dimasukkan ke penjara," kata Murphy.

### Menang Anugerah Nobel

Walau bagaimanapun, kekurangan pakar forensik merupakan antara cabaran utama yang dihadapi oleh Criminal Court E, mahkamah khas bagi mengendalikan kes rogol.

Situasi itu juga menyebabkan ketua pendakwa raya, Felicia Coleman terpaksa melalui detik meletihkan untuk menyabitkan pesalah rogol.

"Kami mempunyai kekangan, kebanyakan kes yang disiasat adalah berdasarkan keterangan dan bukti," katanya.

Sejak mahkamah khas itu diwujudkan, terdapat 18 kes yang dibicara dan 10 orang telah disabitkan dengan kesalahan.

"Jumlahnya mungkin kecil namun,

kamu fikirkan tentang cabarannya," jelas Coleman.

Di celahan bangunan-bangunan berhampiran pantai di Monrovia, di mana laluan tanah merah dan kehijauan mengisi ruang bangunan-bangunan yang mula pudar, merupakan satu dunia asing yang jauh dari Oslo, Norway.

Baru-baru ini Sirleaf dan Gbowee berdiri di Pusat Nobel Keamanan, Oslo menerima Anugerah Nobel mereka pada 10 Disember lalu.

"Saya merasakan anugerah itu akan memberi kami motivasi untuk meneruskan usaha ini walaupun kadangkala kami juga berasa kecewa.

"Tetapi, kami akan berjuang habis-habisan untuk memastikan ia tercapai," kata Schaack. - AFP

MURPHY yang pernah menjadi hamba pemuas nafsu tentera kini berjuang membebaskan wanita Liberia daripada menjadi mangsa rogol.



SEJAK kanak-kanak, Garmar Murphy telah dipaksa menjalani kehidupan seperti hamba, bahkan menjadi 'pemuas nafsu' bagi tentera pemberontak Liberia. Ia sudah suatu yang lumrah dalam konflik ganas di negara Afrika itu.

Ketika Murphy baru berusia 13 tahun dia dirogol pada usia muda itu dan ia bukanlah menjadi satu kesalahan di sana.

Kira-kira 10 tahun kemudian, negaranya melahirkan seorang presiden wanita pertama di benua Afrika, Ellen Johnson Sirleaf.

Pada Oktober lalu, Sirleaf baru saja dicalonkan sebagai pemenang anugerah Nobel bersama aktivis Leymah Gbowe di atas usaha memperjuangkan hak asasi wanita dan keselamatan negara mereka.

Biarpun kaum wanita semakin maju selepas lapan tahun termeterainya perjanjian damai bagi menamatkan konflik di Liberia namun, mereka masih terdedah kepada ancaman rogol.

Jenayah rogol merupakan endemik yang menjadi senjata menakutkan sepanjang konflik 14 tahun dan ia masih berleluasa. Mereka yang melakukannya masih bebas di luar.

### Kampung diserang

Murphy, 23, kelihatan sugul. Dia bercerita bagaimana kampungnya diserang sehingga menyebabkan ramai penduduk melarikan diri atau dibunuh.

Dia yang ketika itu sedang mengambil air ditinggalkan bersendirian sambil mengharapkan simpati tentera pemberontak.

"Saya masih kecil, saya kehilangan seluruh anggota keluarga. Saya langsung tidak mempunyai pilihan lain.

"Saya terpaksa menganggotai pasukan mereka dan menjadi pemuas nafsu, jika tidak saya akan dibunuh," katanya kepada AFP.

"Jika bernasib baik, jeneral akan tertarik kepada kamu dan menjadi pemimpin simpanannya. Jika tidak, ia bermaksud kamu perlu melayan keseluruhan pasukan tentera."

Wajahnya agak berseri-seri ketika diberitahu negaranya baru sahaja memenangi hadiah Nobel baru-baru ini.

"Wanita Liberia kini maju ke ha-